

CNS6930

U GB 20-07 00117 BH620

bah

Mahathir - Gaji

KENAIKAN GAJI MESTI SELARAS DENGAN PENINGKATAN PRODUKTIVITI, KATA PM

PULAU PINANG, 20 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa kenaikan gaji pekerja di negara ini mesti diselaraskan dengan peningkatan produktiviti bagi mengawal inflasi.

Perdana Menteri berkata, secara umumnya kenaikan gaji tanpa peningkatan produktiviti akan memberi kesan inflasi kepada negara.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di sini sebagai mengulas tuntutan gaji Cuepacs.

Menurutnya, kerajaan akan mengkaji tuntutan itu bagi menentukan kesannya dan sama ada kerajaan boleh melayannya atau tidak.

Beliau berkata kerajaan khuatir dengan kenaikan gaji yang mendadak tanpa dikaitkan dengan produktiviti. -- lagi

▼20/07/17-43MST

CNS6935

U GB 20-07 00143 BH621

bah

Mahathir - Gaji 2 Pulau Pinang

Katanya, kenaikan gaji pekerja sekarang memang tinggi kerana ia bukan disebabkan peningkatan produktiviti tetapi semata-mata kerana kekurangan tenaga kerja.

"Oleh kerana kita kekurangan pekerja, sektor swasta terpaksa menawarkan gaji yang lebih tinggi supaya mereka dapat menarik pekerja atau menghalang pekerja meninggalkan mereka untuk bekerja dengan pihak lain.

"Kalau ini berterusan, akhirnya kos tenaga kerja meningkat sehingga industri tidak lagi ekonomik untuk diadakan di Malaysia. Pada ketika itu proses perindustrian kita akan berhenti dan ekonomi kita tidak akan tumbuh lagi," katanya.

Menurutnya, apabila keadaan itu berlaku, mereka yang menyebabkan kenaikan gaji itu akan mendapati bahawa peluang pekerjaan akan hilang dan mereka akan menganggur.

Kekurangan ini banyak terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan sebagai contoh di Pulau Pinang terdapat kekurangan 15,000 pekerja dalam sektor pembuatan sahaja, katanya. -- Lagi

▼20/07/17-46MST

CNS6945

U GB 20-07 00137 BH622

bah

Mahathir - Gaji 3 (akhir) Pulau Pinang

"Kita tidak menghalang kenaikan gaji jika ia tidak menyebabkan kos pengeluaran meningkat. Walau apa jua sistem yang kita gunakan, asasnya ialah kenaikan gaji mesti dikaitkan dengan kenaikan produktiviti," katanya.

Dr Mahathir berkata pendekatan kerajaan kini ialah memperbanyakkan jenis industri yang tidak menggunakan tenaga kerja yang banyak sebagai asasnya tetapi sebaliknya kerajaan lebih suka kepada industri yang berintensif modal atau teknologi yang tidak menggunakan banyak pekerja.

Ketika ditanya mengenai laporan Asian Wall Street Journal keluaran Isnin lepas mengenai terdapatnya "penyimpangan" dalam pemberian pinjaman United Malayan Banking Corporation (UMBC) yang sedang disiasat Bank Negara Malaysia, beliau berkata jika benar, ia patut diselidik oleh Bank Negara untuk menentukan siapa yang terlibat dan mengambil tindakan supaya dibetulkan perkara itu. -- Bernama.

ANR.KHY SIA